

SOALAN NO: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB. DATO' DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 29 MAC 2018

SOALAN : 40

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] meminta MENTERI KESIHATAN menyatakan sejauh mana keseriusan masalah mental dan depresi di kalangan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Malaysia (NHMS) pada tahun 2011 mendapati prevalen kemurungan, iaitu salah satu gangguan mental dan berkait dengan depresi dalam kalangan mereka yang berumur lebih 16 tahun adalah 1.8% (seramai 0.3 juta kalangan rakyat Malaysia).

78

Daripada 273,203 orang yang telah disaring bagi kategori kemurungan pada tahun 2017 melalui saringan Program Minda Sihat di klinik kesihatan dan komuniti, 4.03% (11,811) daripadanya menunjukkan tanda-tanda kemurungan pada tahap ringan, 1.26% (3,680) tahap sederhana dan 0.62% (1,682) pada tahap teruk.

Hasil saringan Program Minda Sihat melalui kerjasama Kementerian Pendidikan dengan menggunakan saringan DASS (*Depression, Anxiety & Stress*) ke atas 253,196 pelajar tingkatan empat pula menunjukkan seramai 1,163 pelajar atau 0.45% mengalami kemurungan.

WHO menganggarkan bahawa kadar kemurungan bagi penduduk sedunia pada 2015 adalah 4.4% di mana kadar di Asia Tenggara adalah 4.5%. Berdasarkan kepada hasil saringan KKM lebih rendah dari kajian WHO ini, maka dapat disimpulkan bahawa kemurungan di Malaysia tidak berada pada tahap yang membimbangkan tetapi perhatian perlu diberikan bagi menangani masalah ini.

Untuk makluman YB Temerloh, kajian menunjukkan bahawa kemurungan tidak semata-mata kerana gangguan kimia dalam otak. Sebaliknya, terdapat banyak kemungkinan penyebab kemurungan, termasuk regulasi 'mood' yang tidak teratur, faktor genetik, peristiwa kehidupan yang tidak dapat ditangani, ubat-ubatan, dan masalah perubatan. Adalah dipercayai bahawa beberapa faktor ini berinteraksi untuk membawa kemurungan.

79

Di peringkat klinik kesihatan, rawatan pemulihan akan dibuat ke atas individu yang menunjukkan tanda-tanda kemurungan melalui keputusan Program Saringan Minda Sihat. Bagi tahap ringan dan sederhana, intervensi akan dilakukan seperti sesi Kaunseling, Kemahiran Gaya Daya Tindak dan Teknik Relaksasi. Manakala bagi tahap teruk, individu akan dirujuk kepada Pakar Perubatan Keluarga atau Pakar Psikiatri untuk rawatan lanjut.

Untuk tujuan ini, perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental telah disediakan oleh KKM di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang turut menawarkan perkhidmatan kaunselling dan psikoterapi kepada individu yang mengalami kemurungan. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dari aspek kaunseling dan *psychoeducation* dalam merawat kemurungan.